

pusaka

JILID 1

BILANGAN 1

MACH, 1965.



Keluaran Angkatan Sasterawan
Negeri Sembilan

KDN 1306

\$1.00

A. S. SHAMSUDDIN

157, JALAN BIRCH,
SEREMBAN.

Kedai buku yang menyediakan :

- * Buku2 dan alatulis untuk keperluan sekolah2.
- * Buku2 teks untuk keperluan pelajar2 dan guru2.
- * Nobel2 Melayu, Terjemahan lama dan baharu.
- * Majallah2 ilmiah dan hiboran.

Kami sedia menunggu kedatangan, pesanan
dan langganan, dari tuan dan puan sakelian.

Hormat dari,
PENGURUS.

Pusaka

Pemimpin :
ABDUL SAMAD IDRIS

Ketua Pengarang :
KAMARUZZAMAN 'A. KADIR
(Dharmawijaya)

Pengurus :
ALIAS ALI

Alamat Penerbit :
420-A, JALAN LEMON,
SEREMBAN.

*majallah yang mengutamakan
soal2 sejarah, adat istiadat,
bahasa, kesusteraan
dan pendidekan.*

JILID I**BILANGAN I****MACH, 1965.****KANDONGAN - NYA**

Sa-renjis Mawar Dari Pemimpin	2
Sikap Para Seniman Terhadap Karya Seni-nya <i>(Renchana Pengarang)</i>	4
Mengenal Almarhum Tuanku Abdul Rahman <i>(Abdul Samad Idris)</i>	7
Raja Melewar Yamtuan Negeri Sembilan Yang Pertama	11
Sadikit Tentang Istana Lama Di-Seri Menanti	15
Keaslian 'Adat Perpateh Menghadapi Chabaran Dunia Moden <i>(Abdul Kadir Yusof)</i>	17
'Adat Menghantar Chinchin — Lambang Ketinggian Budi Penganut 'Adat Perpateh <i>(Faiza Tambi Chik)</i>	22
Penghormatan Terhadap Keindahan 'Alam <i>(Fatimah Mansor)</i>	26
Nilai Keindahan Cherita2 Penglipor Lara Melayu <i>(Peninjau Sastera)</i>	30
Sadikit Tentang Nobel2 Melayu <i>(Yahya Ismail)</i>	35
Sajak : Pancha-Sita	41
Sajak : Sayang Yang Berlabuh <i>(Dharmawijaya)</i>	42
Cherpen : Banjir	43
Tablo : Meskipun Derita Melanda Jantong <i>(Dharmawijaya)</i>	51

Dari Pemimpin.

Memang telah menjadi hasrat hamba, yang sentiasa marak dan menyala — sa-menjak hamba memimpin Persatuan Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan ini, untuk menerbitkan sa-buah majallah yang khusus; dengan tujuan, di-samping memberi bahan2 bahaan kapada masharakat, ada-lah juga untuk mendekati minat masharakat itu mengenal soal2 bahasa, kesusastraan, kebudayaan dan sejarah bangsa kita, yang sedia menjadi milek-nya zaman berzaman.

Dan sekarang, dalam usia persatuan ini telah menjengkau hampir 13 tahun, dengan melalui denyut nafas-nya penoh gelora sejak dari zaman penjajahan hingga kapada zaman merdeka-nya; lahir-lah ‘Majallah Pusaka’ ini. Kelahiran-nya, bukan sahaja telah memberi kenyataan seluroh impian hamba, tetapi ada-lah sesuai benar dengan suasana negara kita yang memerlukan kegiatan pembangunan dalam segala jurusan sekarang ini.

Rasa-nya, dengan kelahiran ‘Majallah Pusaka’ ini — akan dapat-lah dijadikan gelanggang penyuboran bakat seni, khusus-nya dalam soal penulisan dari tenaga2 baharu, yang sa-jauh pandangan hamba kian berchambah sekarang ini, malah nyata pula satu demi satu telah mula mengembang kelopak. Memang pula, menjadi chita2 hamba yang utama juga chita2 persatuan ini, untuk menggalakkan dan memberi pimpinan sa-wajar-nya kapada bakat2 baharu itu; samuga dari pimpinan dan dorongan, minat dan kegiatan-nya — akan dapat-lah mereka memberi sumbangsan yang murni dan luhur kapada masharakat. Di-samping itu, turut pula menambahkan subor, kembang dan meranum-nya ‘kumtum2 seni’ bangsa kita sa-panjang musim.

Tiada rangkaian madah yang paling indah, untok hamba lukiskan di-sa’at menyambut kelahiran majallah ini — sa-lain dari himpunan senyum dan takwa meniti ka-punchak kebanggaan. Dan, tersusun-lah doa dan harapan hamba yang tiada berputusan, semuga majallah ini benar2 dapat menjadi ‘pusaka’ bangsa kita; dalam mengenang kembali ketinggian budi dan kehalusan perasaan lambangkekayaan bathin di-zaman silam, sa-hingga dapat pula meniti punchak kegemilangan-nya yang sesuai dengan perkembangan chara berfikir dan peradapan moden dari ra’ayat yang merdeka dan berdaulat ini.

Akhir kata, hamba utuskan dari tasek hati hamba sa-renjis mawar untok
restu semarak-nya dandanan wajah majallah ini dari masa ka-masa :

*Kekal-lah Pusaka di-dada zaman
Menguntum dharma dan kaseh abadi
Pada seni-bangsa berkalong kemurnian
Terhim-pun-lah khidmat menjunjong budi.*

Hormat dari hamba,
ABDUL SAMAD IDRIS



HIASAN TIMOR

(Eastern Curios)

418, JALAN LEMON, SEREMBAN.

Tel : No. 2933.

Sedia Menjual

Barang2 perhiasan, Hambal (Carpet), Perak dan Tembaga.
Pakaian2, Batek, Pelekat, Kain2 Sutera, Songket, Pakaian
Pengantin, Mengkuang, Pinggan Mangkok dan lain2 lagi.
Barang2 hadiah untok sa-barang achara istimewa ada juga
di-sediakan.

KAMI SEDIA MENUNGGU KEDATANGAN DARI
TUAN DAN PUAN SEKALIAN.

Sikap Para Seniman

terhadap karya seni-nya

Telah selalu benar di-perkatakan, lapangan seni — khusus-nya seni sastera, bukan-lah satu lapangan yang merupakan tempat persinggahan sa-bagai merenong riak2 ayer di-permukaan tasek ketika di-tiup angin sahaja. Sikap ini, tidak akan dapat memenuhi hakikat 'Seni Untuk Masharakat' yang fungsi-nya untuk 'pembangunan rohani manusia.'

Untuk menjadi penulis agong, berjaya menimbulkan karya seni yang bermutu dan dapat di-pertanggong-jawabkan, sa-harus-nya-lah para seniman itu sa-lain dari telah sedia mempunyai bakat dan ilham — akan bersedia pula menampong, menimba dan menyelongkari segala bidang ilmu pengetahuan yang penoh dengan unsur2 'keilmianah' guna mendapatkan kematangan fikiran.

Sedangkan ilham pula, sa-suatu yang perlu ada pada seniman. Kerana, seniman2 agong saperti Nietzsche dan Rilke pernah mengakui kepentingan ilham ini, sa-bagai tenaga pendorong dan faktor yang utama untuk mendapatkan kesempurnaan sa-barang karya seni. Menghasilkan karya seni yang chuma berdasarkan kemahuan sahaja dengan tidak di-sertai ilham, pasti tidak akan berjaya — malah, jauh sa-kali dapat menimbulkan kepuasan.

Kepentingan ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam, sa-bagai satu persediaan yang pokok pada para seniman untuk mendapatkan karya seni-nya yang bermutu — akan dapat kita yakini bila mengikuti seniman2 dunia yang telah berjaya mengabadikan karya-nya yang 'universal'. Homer, tidak akan dapat melukiskan Kebudayaan Yunani tentang tanggapan dan keperchayaan terhadap dewa2-nya, sejarah dan 'adat istiadat-nya dalam 'Illed' dan 'Odsey' itu, kalau Homer tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam. Demikian juga Dante, tidak akan berjaya menuliskan 'Divina Commedia'-nya kalau ia tidak mendalami ugama dan filsafah di-zaman-nya.

Dengan lengkap-nya ilmu pengetahuan dan di-dorong oleh ilham pula, para semiman akan berjaya dalam karya-nya. Dan, paduan dari dua faktor ini — pasti meninggalkan sa-suatu kesan baik kepada masharakat, sa-bagai orang yang berhak juu untuk memaham dan menekmati-nya. Tetapi ilham, bukau-lah sa-suatu yang di-nanti2 kedatangan-nya sa-bagai akan di-bisekkan oleh angin lalu, gunong dan awan berarak sa-panjang pagi dan senja.

Atas kesedaran ini-lah Saudara Tongkat Warrant, pernah menegaskan, "Tiap seniman tidak harus menanti ilham sa-bagai sa-suatu yang turun dari langit. Seniman perlu-lah berada di-tengah2 masharakat, mengenal dan menyelami pergolakan lahir dan bathin dari detik dan peristiwa manusia-nya yang beranika rupa itu."

Pendapat ini tentu-lah sa-suatu yang pokok, sa-suatu yang perlu di-lakukan oleh seniman sa-panjang hidup-nya untuk tugas dan khidmat-nya dalam arina-seni dan sastera. Kalau para seniman — sa-kadar merenong bulan di-kesepian malam, menatap laut dan kemilau ombak-nya di-ambang senja, kejernehan tasek dan ikan2-nya; rasa-nya chuma akan menimbulkan kesan sendiri2, kesan yang terlalu individual. Dan, untuk menempatkan 'Seni Untuk Masharakan' yang di-harap2kan itu, tentu pula agak mengechiwakan.

Hal ini, nyata kebenaran-nya bila di-tinjau perkembangan2 hidup Chairil Anwar, seniman dari Angkatan '45 yang sering menjadi tempat 'pengukoran' pengkeritik seni. Chairil Anwar, untuk mencari ilham — telah menerjuni dirinya mengenal dan menyelami dalam segala sudut kehidupan masharakat. Chairil, telah bergaul dengan — penarek2 becha, dereba2, keluar masuk ka-lorong2 gelap dan sempit, bergaul dengan pelachor di-gubok burok dan pernah pula tidur di-kaki2 lima dengan pengemis. Chairil juga, sentiasa mencari kesempatan bergaul dengan intilek bangsa-nya, seperti Shahrir dan Hatta guna mendapatkan pengalaman di-samping mengharapkan ilham. .

Dan sekarang timbul-lah pertanyaan, apa-kah telah ada para seniman di-tanah ayer kita menerjuni hidup-nya demikian rupa, dalam tingkat pencharian pengalaman sebagai sumber ilham mereka, untuk kesempurnaan hasil karya-nya. Rasa-nya di-tinjau dari perkembangan2 cherpen, nobel dan sajak sekarang ini — sadikit sa-banyak telah ada jua. Malah, nyata pula anjoran Saudara Tongkat Warrant itu, telah pun di-sambut oleh penulis2 muda kita yang punya harapan, untuk mewakili barisan seniman bangsa kita di-masa hadapan.

Dari cherpen 'Penyelidek Akademik', kita temui Kala Dewata menyelami kesah manusia pelachor di-kamar2 hotel, demikian jua dari 'Pondan'-nya, Nora telah pula menjelajahi dari lorong ka-lorong, dari hotel ka-hotel di-Ibu Kota. Dan, Abdul Shukor Harun dengan 'Jalan Duta' dan 'Volvo Merah Di-Bukit Kenny'-nya, nyata pula ia telah menumpukan perhatian terhadap manusia dengan peristiwa-nya yang penoh timbunan dosa, sa-tiap merangkak-nya senja ka-hujong malam.

Di-tengah2 kebanjiran nobel di-tahun Enam-puluhan ini pula — baik Salina, Layang2 Putus Tali, Gersang, Tak Ada Jalan Keluar, Desa Pingitan hingga kapada Merangkak-lah Senja Menutup Pandangan; semua-nya mengemukakan soal2 'kechurungan hati nurani manusia'. Dan yang paling populer, pengarang-nya mengemukakan 'pelachoran' sa-bagai kesah yang banyak di-temui-nya.

Untuk mengakui segala hasil seni yang demikian rupa, benar2 dapat 'membangun kesedaran masharakat' — sadikit sa-banyak kita terima jua pendapat Saudara Yahya Ismail dalam soal ini. Baik cherpen mau pun nobel-nya, tidak dapat meninggalkan kesan mendalam apa lagi untuk mengetok pintu hati dan pemikiran masharakat pembacha. Ini, ada-lah di-sebabkan penulis2-nya menyempurnakan karya mereka, terlalu berat bertumpu kapada 'daya-imiginasi'-nya sahaja. Penyentohan yang khusus dan sa-chara serios, tentang pergolakan

batin manusia pelaku-nya yang penoh gelora dan kepinchangan dari landaan badai penghidupan yang tidak kunjung reda-nya itu, kurang benar di-titek-beratkan.

Suatu hal yang menggerunkan pula, sa-tidak2-nya menjadi keimbangan dari penunjolan bahan yang demikian mengerikan ini — terasa sa-olah2 dunia ini penoh dengan 'debu hitam yang beterbangsan' manusia-nya tidak suchi lagi, ia akan menghadapi kehanchoran di-tengah2 kepinchangan yang bagitu mendadak.

Bukan-lah tidak mungkin ada-nya sa-suatu yang murni dalam kehidupan masharakat kita sekarang. Dan, para seniman jua pasti sering menemui peristiwa2 yang menyenangkan. Kita sedar, hasil seni hari ini ada-lah sa-suatu yang akan di-warithi oleh jenarasi yang akan datang. Mereka akan menerima seni, sa-bagai 'pancharan masharakat' sa-suatu zaman. Penunjolan segala bentok 'kekotoran dan kechurungan' sa-chara besar2an ini, pasti akan menimbulkan gejala2 yang kurang menyenangkan pula dalam tanggapan fikiran mereka kelak.

Ada banyak persoalan yang di-timbulkan dari pesat-nya perkembangan sastera kita sekarang. Sa-takat ini, sampai-kah hakikat 'Seni Untuk Masharakat' itu dari kegiatan para seniman ? Dapat-kah masharakat menerima hasil seni demikian rupa, sa-bagai satu kesedaran bertindak untuk menuju ka-arrah nilai2 hidup yang lebeh baik ? Atau chuma tinggal dalam kesan penerimaan dan pemikiran para seniman atau peminat seni itu sahaja.

Biar bagaimana pun, para seniman kita — sama ada yang telah mendapat kedudukan baik mau pun yang baharu munchol dengan mengembangkan kelopak segar-nya, akan terus menarikkan pena untuk melahirkan karya seni-nya. Dan, ia akan terus menchari ilham dengan menemui masharakat yang beranika chorak dan ragam-nya itu, di-samping menchari ilmu pengetahuan tentang soal2 dunia dan kemanusiaan tanpa ruang dan batas-nya. Di-harapkan, lanjutan dari kegiatan dan kesedaran yang telah ada itu, beberapa perubahan yang menyenangkan dalam bentuk dan isi sastera kita, akan dapat di-temui masa hadapan.

mengenal :

ALMARHUM

Tuanku Abdul Rahman

(tokoh dalam kenangan).

Oleh : ABDUL SAMAD IDRIS.

PTM (sekarang Malaysia) tentu-lah tidak dapat melupakan Ketua Negaranya yang pertama, ia-itu Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ab. Rahman. Terpilih-nya baginda sebagai Ketua Negara yang pertama sa-telah PTM merdeka, ada-lah mempunyai erti yang bagitu rupa sa-bagai tempat menumpahkan taat setia dari sakalian raayat-nya yang terdiri dari berbagai2 kaum ini.

Di-lahirkan pada 24hb. Ogos, 1895, baginda ada-lah putera tunggal Almarhum Tuanku Muhammad dengan isteri-nya Tengku Puan Chik yang bergelar Tengku Puan Serting. Salasilah-nya saperti berikut :

T. Muhaminad X T. Puan Ijah

|
T. Ab. Aziz
(mangkat 1914)

T. Muhammad X T. Puan Chik

|
T. Ab. Rahman
(Y. di-P. Besar N. Sembilan 1933 — 1957)
(Y. di-P. Agong 1957 — 1960)

T. Muahammad X Enche' Rahah

|
T. Nasir T. Muahammad Alam Shah
(T. Laksamana)

Pelajaran yang pertama baginda terima ia-lah di-sekolah Melayu Kuala Jempul Negeri Sembilan. Kemudian meneruskan pelajaran-nya di-Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 1907 hingga-lah 1914.

Sa-telah tamat pelajaran-nya, baginda berkhidmat di-Federal Secretariat Kuala Lumpur sebagai Pegawai Melayu ia-itu pada tahun 1914. Kemudian baginda telah balek bertugas di-negeri-nya pada 20hb. November, 1918, ia-itu di-Seremban sa-bagai Pegawai Pemungut Hasil Tanah.



Almarhum D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Yang Pertama.
(Gambar Pada Tahun 1939)

Baginda bukan sahaja bertugas di-dalam perkhidmatan awam malahan telah berkhidmat sama dalam tentera. Dari Letnan Muda tahun 1916 dalam Pasukan Volunteer Infantry di-Seremban, baginda telah di-naikkan pangkat jadi Letnan pada tahun 1918.

Pada 28hb. Ogos, 1821 baginda bertukar lagi ka-Kelang Selangor. Berkhidmat sa-bagai Pegawai Pentadbir Melayu (Malay Administrative Service). Saterusnya di-angkat menjadi Pegawai Melayu di-daerah itu juga.

Dari Kelang bertukar ka-Daerah Ulu Selangor pula. Bertugas sebagai Pemangku Penolong Pegawai Daerah pada 26hb. Oktober, 1922. Kemudian menjadi Timbalan Pemangku Pegawai Daerah pada 1hb. Jun, 1923.

Bermula daripada 12hb. Januari, 1925 baginda memegang jawatan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hingga-lah pada 2hb. Mach, 1925. Tarikh ini baginda bertukar lagi ka-Daerah Sepang menjadi Pemangku Penolong Pegawai Daerah itu.

Baginda berangkat ka-England pada 5hb. Mei, 1925 kerana mengiringi ayahanda-nya dan terus tinggal di-sana kerana menuntut di-Sekolah Undang2 ia-itu Inner Temple, dan tamat pada 19hb. November, 1928 dan berangkat balek ka-PTM pada 28hb. Desember, 1928.

Sa-kembali-nya di-tanah ayer baginda di-angkat menjadi Penolong Pegawai Daerah (II) di-Daerah Tapah Perak pada 23hb. Januari, 1929. Dari sana bertukar pula ka-Daerah Gopeng dan Kampar. Pada 21hb. Februari, 1930 bertukar lagi ka-Kuala Lumpur menjadi Pengadil Mahkamah II dalam kelas IV.

Lagi sekali baginda bertukar ka-Ipoh Perak. Kali ini sa-bagai Pemangku Penyimpan Rekod2 di-Mahkamah Ipoh dalam Kelas III, kemudian mulai 8hb. Desember, 1931 hingga 28hb. Februari, 1932 baginda berchutti panjang dengan bergaji penoh.

Sa-telah berchutti lalu berkhidmat sa-mula pada 29hb. Februari, 1932 sa-bagai Pengadil Mahkamah Tambahan Kuala Lumpur, kemudian di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Daerah Kuala Langat dalam kelas IV. Pada bulan Jun, 1933 bertukar ka-Padang Perak menjadi Pemangku Pegawai Daerah.

Tarikh yang bersejarah untuk baginda ia-lah pada 3hb. Ogos, 1933 dengan naik-nya baginda di atas Takhta Kerajaan Negeri Sembilan. Sa-tahun kemudian, ia-itu pada 25hb. April, 1934 baginda di-anugerahkan bintang kebesaran K.C.M.G. oleh Baginda King George ka-V.

Sa-masa di atas takhta kerajaan baginda telah berangkat ka-England sa-banyak empat kali kerana beberapa sebab. Umpama-nya pada 11hb. Julai, 1934 kerana kegeringen. Pada 9hb. April, 1937 kerana menghadiri hari kemahkotaan

Baginda King George ka-VI. Dalam tahun 1951 kerang beraleh angin serta berahat. Dan tahun 1954 berangkat kerana kegerringan.

Bintang G.C.M.G. telah di-anugerahkan kapada baginda oleh Baginda King George ka-VI pada tahun 1957.

Kemunchak segala2-nya ia-lah pada 3hb. Ogos, 1957 dengan terpilih-nya baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong PTM yang pertama bagi sa-buah negeri yang baharu merdeka dan berdaulat. Baginda telah mangkat pada 1hb. April, 1960.

Baginda telah beristeri empat orang. Beroleh sa-ramai tiga orang putera dan lima orang puteri. Salasilah keturunan baginda ada-lah seperti berikut :

T. Ab. Rahman X T. Maharum

—

ngku Muna
(1868-1928)

(29.3.1922)

T. Ab. Rahman, N. Enshe' Maimunah

T. Ab. Rahman & Enche Mahmudan			
T. Aidah	T. Jaafar	T. Shaelah	T. Abdullah
27.5.1920	19.7.1922	6.5.1924	2.5.1925

T. Ab. Rajman X T. Khursiah

T. Bahiah T. Shahariah

T. Ab. Rahman X T. Zaidah

T. Zakiah
6.12.1950

Raja Melewar *

SA-BAGAI YAMTUAN NEGERI SEMBILAN

Yang Pertama.

Sa-telah Melaka di-tawan oleh Portugis tahun 1511, pusat kerajaan Melayu berpindah pula ka-Johor. Beberapa buah jajahan di-sa-belah darat Melaka yang di-perentahkan oleh Melaka dahulu, dengan sendiri-nya di-kuasai oleh Johor. Jajahan2 ini-lah yang kemudian-nya di-namakan Negeri Sembilan sa-telah ke-datangan Raja Melewar tahun 1773.

Kaadaan ini berubah apabila orang2 Minangkabau, ia-itu bangsa terbanyak yang mendiami daerah2 ini ingin mempunyai raja sendiri. Ini di-sebabkan oleh kaadaan Sultan Johor yang tidak dapat mentadbirkan jajahan ini sa-chara langsung. Huru-hara yang di-timbulkan oleh Portugis, Aceh dan Bugis telah berlaku di-Johor. Tambahan pula anak2 raja Bugis maukan orang2 Minang mengakui mereka sa-bagai raja.

Keinginan Orang2 Minang ini di-izinkan oleh Sultan Ab. Jalil ibni Dato' Bendahara Tun Habab Sultan Johor ketika itu. Mereka kemudian-nya melantek Panglima Bandan dan Panglima Bandot menjadi wakil mereka untuk pergi ka-Minangkabau menjemput raja yang berketurunan Pagar Ruyong.

Kedua2 panglima ini mengadap Sultan Ab. Jalil Pagar Ruyong. Permintaan mereka di-perkenankan. Baginda telah memilih putera-nya sendiri Raja Mahmud. Sa-belum bertolak baginda menitahkan Raja Khatib belayar terlebih dahulu untuk menyediakan persiapan menyambut kedatangan anak raja itu kelak di-Negeri Sembilan.

Sa-telah semua kelengkapan siap, bertolak-nya Raja Mahmud atau Raja Melewar ka-Siak. Dari sini terus ka-Johor untuk menerima Chap Mohor dari Sultan Johor. Baginda Sultan telah mengesahkan Raja Melewar menjadi Yamtuhan bagi Negeri Sembilan.

Sabagai sa-orang raja, baginda Raja Melewar terus menuju ka-Negeri Sembilan. Tatkala sampai di-Naning, angkatan baginda telah bertembong dengan anak Raja Bugis. Dalam peperangan ini baginda telah dapat mengalahkan Orang2 Bugis yang di-ketuai oleh Daeng Kemboja itu. Dari Naning baginda turun ka-Rembau kemudian di-tabalkan di-Penajis.

Raja Khatib yang menjadi utusan ayahanda baginda dahulu, telah belot dengan mengakui dia-lah raja yang sa-benar-nya. Yamtuhan segera bertindak. Peperangan saudara berlaku di-Seri Menanti. Akhir-nya Raja Khatib lari dan orang kuat-nya Penghulu Naam telah mati di-bunoh.

Sa-telah pembelot itu kalah, Yamtuan berangkat balek ka-Rembau. Di-sini baginda berkahwinan dengan Che' Sani anak perempuan Penghulu Naam yang telah tertawan dalam peperangan itu dahulu.

Dari Rembau baginda berpindah pula ka-Ampang Rambai di-Seri Menanti. Di-sini Permaisuri baginda telah di-gelar dengan Che' Puan.

Baginda telah mengadakan beberapa peratoran dan undang² yang tertentu baik dalam istana mau pun dalam bidang pemerentahan-nya. Beberapa kesah baginda sa-lenjut-nya dapat di-ketahui dari sa-buah buku yang bertulis tangan yang sa-bahagian-nya di-turunkan di-sini :


.....Tatkala ka-empat2-nya hendak masok tidak di-benarkan oleh orang yang mengawal pintu, demikian berbantah2, pada masa itu terdengar-lah pada Che' Sani isteri Yang di-Pertuan Raja Melewar itu lalu ia memandang ke-lihatan-lah ka-empat2 saudara-nya itu sedang berbantah2 dengan orang kawalan itu, maka Che' Sani pun menangis lalu segera pergi mengadap duli Yang di-Pertuan, " Mengapa diri selaku ini dan mengapa pula yang gempar bunyi orang bergaduh," maka di-persembahkan-lah Che' Sani hal itu serta mengatakan, " ada pun orang yang empat itu saudara patek datang hendak mengadap ka-bawah duli Yang Maha Mulia," maka titah Duli Yang Di-Pertuan, " jika sunggoh orang itu saudara diri boleh-lah masok bertemu kami serta titahkan juak2 memanggil ka-empat2-nya," maka ka-empat2-nya masok-lah naik ka-istana dudok di-hulu tangga ber-empat kiri kanan, dan duli yang di-pertuan pun keluar-lah bersemayam ka-serambi tengah, maka titah Duli Yang Di-Pertuan, " apa khabar tuan ka-empat yang bahuru datang ini, maka ka-empat-nya pun menyembah-lah seraya menjawab titah, sembah-nya, " khabar baik Tuanku, ada pun kedatangan patek ka-empat ini hendak mengadap ka-bawah Duli Yang Maha Mulia memohonkan ampuan pereksa akan hal saudara patek yang telah terbawa oleh duli Maha Mulia, ampuan Tuanku akan apa-kah guna-nya saudara patek itu," maka titah .. Maha Mulia," bahawa maksud kami itu samata2 kebajikan jua ia-itu hend. adikan peti banian bagi kerajaan, dan tuan2 ka-empat-lah akan anak kunci nya seraya titah-nya pula kapada Che Sani, akan ka-empat2 tuan2 ini yang bekar-nya saudara belaka-kah kapada diri," sembah Che' Sani, " daulat Tuanku, yang dua ini-lah saudara sa-ibu sa-bapa dengan patek, akan yang dua ini orang suku Tanah Datar daripada keturunan Sutan Semanik dan Johan Kebesaran, jadi jumlah saudara jua-lah kapada patek," maka titah duli Yang di-Pertuan, " jika demikian tuan2 yang ka-empat2 ini maufakat-lah baik2 jangan bertukar berubah hingga datang ka-akhir zaman kelak turun temurun kerana yang dua ini jadi ipar-lah kapada kami ladi daging darah dan yang dua ini pun demikian kerana ke-empat2-

nya orang Kota Peliang belaka, sekarang kembali-lah tuan2 ka-empat ka-Seri Menanti dirikan istana di-sana, apabila sudah segera-lah datang pula ka-mari memberi tahu kami.”

Hatta maka ka-empat orang ini pun bermohon-lah balek, satelah sampai ka-Seri Menanti maufakat di-dirikan-lah istana, telah lengkap kembali-lah pula mereka ka-Rembau mengadap Duli Yang Di-Pertuan Sultan Mahmud, kemudian berbulat-lah Undang Yang Empat Penghulu yang sembilan seluroh Negeri Sembilan menghantar Duli Yang Di-Pertuan berangkat ka-Seri Menanti ia-itu kemudian telah di-tabalkan di-Rembau, sebab itu-lah di-namai Rembau itu Tanah Kerjan dan Seri Menanti Tanah Mengandong, telah sampai ka-Seri Menenati, maka Che' Sani pun bergelar Che' Puan dan saudara-nya kedua itu sa-orang bergelar Seri Amar Di-Raja dan sa-orang lagi bergelar Maharaja Dewangsa ia-lah mertabat orang berempat dalam lengkongan istana memerentah suku Batu Hampar, maka suku itu-lah di-namai ayer kaki ia-itu dua pehak, sa-pehak di-sebut ayer kaki yang jernih ia-itu suku Batu Hampar yang di-Sungai Layang dan sa-pehak ayer kaki sahaja, ia-itu Suku Batu Hampar lengkongan istana dan Tanah Datar yang dua orang itu di-gelar Penghulu Dagang dan sa-orang lagi bergelar Akhir Zaman, pangkat-nya bersaudara dengan Seri Amar di-Raja dan Maharaja Dewangsa, tetapi pada atoran jabatan, Seri Amar di-Raja itu-lah kepala, yang kedua Maharaja Dewangsa ketiga Penghulu Dagang, ka-empat Akhir Zaman, hal pekerjaan jawatan dalam istana tatkala adat di-dirikan dan kebesaran akan di-turunkan dalam masa Hari Raya yang kedua dan sabagai-nya maka Dato' Seri Amar di-Raja itu mengeluarkan segala alat kebesaran dari dalam bielek istana hulorkan ka-tengah di-sambut oleh Maharaja Dewangsa lalu di-bawa-nya hampir tiang seri di-berikan pula pada Penghulu Dagang yang sedia menunggu di-situ, maka ia pula membawa lalu ka-pintu istana di-sambut pula oleh Akhir Zaman, ia-lah yang membawa lalu ka-tangga lalu di-serahkan pula kapada Johan ia-itu kepala jawatan juak2 yang sembilan puloh sembilan maka Johan itu-lah yang membawa turun ka-lama istana di-suroh dirikan menurut aturan kapada anak2 buah-nya, telah sudah maka Johan pun kembali berdiri di-tangga istana berseru kapada hulubalang yang empat, ia-itu penglima Sutan, Penglima Raja dan Laksamana serta juak2 yang sembilan puloh sembilan, “kawali-lah kerja jabatan masing2 dengan sempurna-nya,” telah itu maka ia pun dudok-lah di-tangga istana itu ada-nya.

Ada pun perbilangan Ayer Kaki itu demikian, sa-kechil2 Ayer Kaki itu bersamaan taraf-nya dengan waris dan kebesaran Ayer Kaki bersamaan dengan Anak Putera.....”

Demikian-lah sa-bahagian daripada isi buku tulisan tangan itu. Baginda Raja Melewar memerentah dari tahun 1773 dan mangkat pada 1795. Baginda di-gantikan oleh Raja Hitam yang juga di-jemput dari Minangkabau kerana baginda tidak berputera.




(Isti'adat Penghulu Mengadap di-Seri Menanti. Cherita mengenai isti'adat ini akan di-muatkan dalam Majallah Pusaka keluaran yang akan datang — Pengarang).

* Artikel ini di-susun dan di-padankan sa-mula dari kandongan buku 'Takhita Kerajaan Negeri Sembilan' karangan Abdul Samad Idris — Ali Majod.

sadikit tentang :

*Istana Lama Di-Seri Menanti **



Satu kesan peninggalan, yang dapat di-pusakai oleh ra'ayat Negeri Sembilan — khususnya bangsa Melayu hingga sekarang ini, ia-lah dengan kekal-nya bangunan 'Istana Lama' di-Seri Menanti, yang telah pun berusia 60 tahun itu. Dengan ada-nya bangunan ini, bukan sahaja dapat menjadi kenangan dari segi pembangunan dan perkembangan negeri 'Adat Perpateh', tetapi ada-lah untuk menjadi ukoran dan sa-bagai bahan penyelidikan jenarasi yang akan datang mengenai beberapa chorak — kebudayaan dan kesenian bangsa Melayu di-zaman lampau.

Istana Lama ini, telah siap di-bena pada tahun 1905 dengan mengambil masa lebuh dari dua tahun. Almarhum Tuanku Muhammad yang telah membena bangunan tersebut, berkehendakkan dalam segala segi bentuk-nya penoh dengan kesenian 'Rumah2 Adat Minangkabau' untuk menunjukkan erat-nya pertalian Negeri Sembilan dengan 'Alam Minangkabau'.

Dalam membentok dan mendirikan bangunan itu, tidak ada sa-batang paku pun di-gunakan, tetapi semua alat2 yang membawa tegak dan tegoh-nya bangunan istana itu ada-lah menggunakan kayu sahaja — dari tiang, lantai, dinding dan hingga-lah kapada atap-nya.

Empat batang 'Tiang Tengah'-nya, ada-lah di-buat dari 'Kayu Penak' yang tidak sadikit jua pun bersambong sa-panjang 170 kaki. Penak ini, telah di-ambil khas dari 'Hutan Pergai' dalam daerah Jelebu dan di-bawa balek dengan Kereta Lembu, yang di-tarek oleh lapan ekor lembu pada tiap2 sa-batang.

Jumlah tiang istana ini, sembilan puloh sembilan semua-nya. Tiang yang di-gunakan sa-banyak itu, mempunyai pengertian yang tertentu pula dalam segi 'adat 'Kalangan Istana', yang sa-hingga sekarang maseh terdapat lagi menjadi lipatan sejarah Ketua2 'Adat di-negeri tersebut.

Tiang 'Sembilan Puloh Sembilan' itu, ada-lah merupakan lambang kapada juak2 hulubalang istana sa-ramai sembilan puloh sembilan orang. Sa-tiap juak2 ini dahulu ada-lah memegang sa-batang tiang sa-orang ketika hendak menegakkannya.

Reka-bentok bangunan ini telah di-buat oleh sa-orang tukang Melayu yang mashor di-zaman itu bernama 'Tukang Kahar'. Untuk mengenangkan jasa-nya kapada negeri dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Almarhum Tuanku Muhammad telah mengurniakan kapada-nya gelaran 'Dato' Penglima Sutan'.

Dalam jarak waktu sa-lama lebeh dua tahun melaksanakan perojek pembangunan istana itu, beberapa orang tukang dari bangsa Melayu dan China telah sama2 memberikan khidmat-nya, yang pasti bertujuan bukan sahaja untok melambangkan taat setia raayat kapada raja, tetapi juga sebagai bokti rasa saling mengerti dan perpaduan raayat untok mewujudkan kemajuan negeri-nya sendiri.

Di-tengah2 kebisuan bangunan-nya yang telah lebeh dari 'sa-tengah abad' itu, bagi ahli2 sejarah bukan sahaja untok di-jadikan melepas pandangan sa-lenggang lalu sahaja. Kerana, antara ketegohan bangunan-nya menghadapi ujian masa, ketika di-usek oleh landaan-daun2 yang berguguran sa-panjang pagi dan petang dan menerima sinaran matahari di-sabalek gunong yang memagazi-nya — ia sedia mempunyai pengertian2 yang mendalam untok di-kenal oleh raayat di-zaman moden ini.

Pada sa-tiap ukiran, ruang dan anjong-nya ada-lah melambangkan kekayaan 'tata-susila' dan 'kehalusan budi' bangsa Melayu di-zaman lampau. Dan, disini-lah penting-nya jenarasi sekarang chuba menyelami kembali kesan2 sejarah untok mengenal perkembangan daya-chipta dan darjah pemikiran bangsa-nya sendiri.

* Artikel ini di-susun dan di-padankan sa-mula dari buku 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan' karangan Ab. Samad Idris — Pengarang.

Keaslian 'Adat Perpateh

menghadapi chabaran dunia moden

oleh : ABDUL KADIR YUSOF.

Bila menyebut 'Adat Perpateh, pandangan umum akan tertumpu kepada wilayah2 Negeri Sembilan dan mungkin juga di-beberapa wilayah lagi yang letaknya di-perbatasan Negeri Sembilan-Melaka. Sa-bagaimana yang di-ketahui, baik sa-chara mendalam atau tidak; bahawa 'Adat Perpateh yang berasal dari Pagar Ruyong, Minangkabau itu — dahulu-nya telah di-bawa oleh 'Datok Perpateh Nan Sa-batang' ka-daerah2 tersebut. Dan, dari daerah2 ini juga-lah 'panji2' Adat Perpateh itu berkembang, hingga menjadi warisan untuk tata-susila jenarasi hari ini, meliputi hampir keseluruhan daerah Negeri Sembilan.

Walau pun bagitu, selalu juga kedapatan dan kedengaran penyuaran2 dan fikiran2, baik yang berupa tulisan atau perbinchanan, yang datang-nya dari gulongan2 penyelidek, pengarang, peninjau2 yang telah menaroh minat dan tumpuan perhatian yang 'serios' dalam perkara ini. Ada pehak yang mempertahankan 'adat ini bulat2 dan sunggoh2 — sa-chara fanatic tanpa memperhetongkan perubahan2 keadaan yang telah dan sedang berlaku di-persakitaran mereka; yang sentiasa mahu berpijak di atas lunas2 yang khusus :

Di-anjak layu, di-anggor mati.

Biar mati anak, jangan mati 'adat.

Adat yang tak lapok dek hujan, tak lekang dek panas.

Tetapi, bila kita berhadapan pula dengan satu pehak yang lain, bagitu pantas dan lantang mereka mengatakan, bahawa 'adat ini telah lapok dan usang — 'adat yang telah di-tinggalkan zaman. Mereka lantas menyarankan supaya 'adat ini di-hapuskan dan di-kikis sama-sekali dari muka bumi ini. Ini mungkin timbul dari reaksi fikiran yang datang-nya dari pehak dan gulongan yang hanya 'sanggup memandang bulan dan bintang yang mengerdip di-langit, sambil menginjak2 pula rumput di-halaman.' Pada hakikat-nya, gulongan ini nyata agak melampau dan keterlaluan.

Dalam pada itu, ada juga gulongan yang sederhana. Mereka hanya menyarankan, supaya 'adat ini di-kaji dan di-susun sa-mula, sesuai dengan keadaan dan masa serta evolusi kemajuan negara ini. Dalam 'memberi dan menerima' se-suatu yang baharu itu, mereka mahukan :

*" Yang chichir di-pungut,
yang hilang di-chari,
yang salah di-tegor,
yang baik di-perbaiki lagi."*

Pada awal2 tadi telah pun di-tegaskan, bahawa hampir keselurohan wilayah2 di-Negeri Sembilan ini, penduduk2-nya ada-lah menganuti 'Adat Perpateh'. Walau pun pada hakikat-nya, 'adat ini mempunyai tujuan pokok yang sama dan satu, ia-itu 'Untuk Keselamatan Hidup Bermasharakat' — namun, pada peraktik dan penglaksanaan-nya, agak berbeda di-antara satu wilayah dengan wilayah yang lain. Ini, ada-lah mengikut penyesuaian 'alam tempatan di-situ'. Dari itu, baik rasa-nya saya tumpukan perhatian ka-Daerah Kuala Pilah khusus-nya, daerah2 lain di-Negeri Sembilan umum-nya; atas 'keaslian' 'Adat Perpateh' itu dalam penglaksanaan-nya di-zaman yang serba moden ini.

Sa-sunggoh-nya, bagi mereka yang mengetahui dalam soal 'adat ini dengan sa-chara mendalam, mereka tidak akan dapat menafikan bahawa 'Adat Perpateh ini pada mula-nya dahulu ada-lah merupakan satu perinsip hidup bermasharakat yang unggul. 'Adat ini di-bena dari lunas2 semangat — gotong royong, hidup bersama, saling mengerti dan bersatu padu. Penchipta-nya, mahukan satu sistem masharakat yang bukan saja aman tetapi penoh harmonis. Dalam soal ini, dapat di-akui kebenaran-nya dengan kata2 'adat ini :

*"Kok berat sama di-pikul,
rengan sama di-jinjeng;*

*Hati gajah sama di-lapah,
hati kuman sama di-chechah;*

*Ka-bukit sama di-daki,
ka-lurah sama di-turuni,
ka-laut sama di-renangi;*

*Ibarat labu menjalar ka-hulu,
kundor menjalar ka-hilir,
pangkal-nya sama di-pupok,
puhok-nya sama di-gentas,
buah-nya sama di-ambil;*

*Kok lemah melapis,
kok chondong menufang."*

Pada awal2-nya dahulu, di-mana keadaan masharakat ketika itu ag bagitu kecil, keadaan perhubungan tidak sa-mudah dan sa-pantas sekarang — maka semangat kemasharakatan, telah di-dapati lebih mendalam dan subot tumboh-nya dalam jiwa penganut2 'Adat Perpateh. Tiap2 anggota masharakat itu menyakini benar2, bahawa dia ada-lah satu kejadian yang tidak bagitu sempurna dan lengkap. Mereka sa-harus-nya berkehendakkan sa-suatu kapada yang lain. Dengan lain2 perkataan — tiap2 anggota masharakat itu, tidak dapat dan tidak boleh hidup sa-chara sendiri2 sahaja. Untuk menchapai hasrat ini, maka sa-sa-orang anggota masharakat itu, ada mempunyai tugas masing2, mengikut kesanggupan masing2 pula — dalam mengisi keperluan anggota masharakat yang lain. Kata mereka :

*" Kok 'alim minta doa-nya,
kok rimbuu tempat bernaong,
kok cherdek teman berunding.
kok bodoh di-suroh arah,
kok pekak pembakar bedil,
kok buta penghemus lesong. "*

Pernah pada masa² yang lalu, bahkan sakali-sakala sekarang ini — kedengaran lagi orang mengatakan. "Aku Anak Kuala Pilah" atau "Aku Anak Rembau" -nya, sa-bagai satu penegasan betapa kuat-nya pengaroh kemasharakatan di-daerah masing² itu. Tetapi, oleh kerana kemudahan² perhubungan, kemajuan sain dan teknik, kekurangan masa untuk berjumpa dan bergaul sa-hari², atas sebab keperluan sendiri²; maka kelihatan sekarang, tali yang mengikati di-antara anggota masharakat itu telah sa-makin longgar dan tidak punya keupayaan lagi.

'Akibat dari keadaan ini, menjadikan semangat individu dalam jiwa masharakat berkembang dengan subor-nya. Tidak menghairankan, jika kedapatan ada orang yang lebuh mengenali sa-sa-orang jiran-nya itu; dengan mengetahui nombor² motokar, pejabat dan pekerjaan-nya sahaja, daripada mengetahui nama jiran-nya itu yang sa-benar—yang jauh sa-kali dapat mengenali hal2 kekeluargaannya. Ini amat jelas kelihatan dalam masharakat perpatih di-persekitaran bandar. Agak-nya, kerajaan sendiri pun menyedari akan hakikat kelonggaran, tali kemasharakatan itu di-kalangan ra'ayat negara ini sekarang. Oleh kerana untuk menghindarkan gejala burok ini-lah, kerajaan menggalakkan semangat 'bergotong royong' yang lebuh luas jurusan dan bidang-nya kapada ra'ayat, dalam menjalankan tugas pembangunan negara.

Jika di-tinjau pula dari sudut lain, dengan pandangan yang lebuh jauh dan entensif — akan kita dapati lagi satu bentuk hubungan masharakat yang rapat dan bagitu erat sa-kali. Ini dapat kita rasakan dalam menemui suasana sakit pening, mendapat kemalangan atau pun di-timpas kematian umpama-nya — mereka lantas mengator satu peratoran yang berbunyi :

*" Kok sakit tinjau meninjau,
kok mati jengok menjengok,
yang mati di-kerajati,
yang hidup di-pelihara."*

Amat nyata bagi kita, bahawa ada-lah di-galakkan sangat² oleh 'Adat Perpatih akan anggota masharakat-nya, supaya mengambil perhatian atas sa-tiap gerak dan perkembangan yang terjadi di-dalam-nya. Anggota masharakat itu mahu, supaya tiap² sa-orang menaroh rasa simpati di atas sa-suatu yang berlaku kapada ahli masharakat itu. Mereka mahu sama² ketawa waktu bergumbira dan sama² pula turut bersedeh waktu berduka. Bukan ketawa beramai, ketika menangis hanya sendirian.

Dan, daripada ungkapan yang di atas itu juga — amat nyata bagi kita, bahawa sa-sa-orang anggota masharakat itu, manakala meninggal dunia, hendak-lah di-sempurnakan pengkebumian-nya dengan sempurna mengikut hukum2 Islam dan lain2 kebiasaan oleh anggota masharakat yang masih hidup. Dan, anak2 yatim yang di-tinggalkan oleh ibu bapa-nya itu, hendak-lah menjadi tanggong jawab bersama oleh ahli masharakat itu umum-nya — dan khusus-nya oleh pehak2 sa-keluarga (warith), untuk memelihara mereka. Mereka juga ada-lah bertanggong jawab atas keselamatan anak2 itu dan kebahagiaan hidup masa depan mereka.

Namun bagitu, hari ini kelihatan hal ini amat jauh menyimpang-nya dari khendak2 ‘adat ini yang sa-benar. Biasa terjadi, ia-itu belum pun sampai tiga hari atau sa-minggu, ibu atau bapa sa-sa-orang anak itu meninggal dunia — pehak yang tertentu dalam warith itu telah menchabol hak anak yatim itu sendiri. Kadang2, kerbau peninggalan arwah bapa-nya, yang sa-patut-nya menjadi hak anak yatim itu di-potong untuk makanan mereka yang tinggal itu sendiri, yang bertujuan untuk memuaskan nafsu yang bukan pada tempat-nya. Tentu-nya, ini satu pekerjaan yang bukan sahaja salah di-sisi ugama, malah amat keji di-sisi kehormatan masharakat.

Hal yang seperti ini terjadi, mungkin kerana anggota masharakat itu hari ini telah di-saluti oleh sifat2 ‘personal’ dan di-kuasai oleh kepentingan diri sendiri lebih tebal dari rasa hidup bermasharakat. Apa lagi, zaman ini ada-lah zaman yang mementingkan ‘kebendaan’, lebih dari kejujoran dan ketulus-ikhlasan hati — sebagai tujuan asasi manusia seluruh-nya. Dan, sa-makin berlumba2 manusia memburu ‘kebendaan’, akan tambah terpelanting jauh-lah kehalusan perasaan membentuk jiwa manusia di-dunia ini.

Beraleh pandangan kita kapada jurusan politik dan ketata-negaraan — sama ada sa-chara lansong atau tidak, terasa bagitu ‘harmoni’ hidup ini di-adun oleh sistem ‘Adat Perpateh. ‘Adat ini nyata, telah mula menyemaikan bibit2 demokrasi yang tulin dalam masharakat-nya, sejak ia lahir dan berkembang. Dalam melantek Ketua2 Adat, mereka sa-harus-nya mendapat kata sa-pakat atau terbanyak dari pehak2 yang sa-warith dengan-nya dalam masharakat itu — baik dalam perlantekan ketua unto’s negeri, ketua untuk daerah mahu pun ketua lengkongan atau “ilayah. Ini dapat di-kesan dari kata2 ‘adat :

“ *Bulat anak buah menjadikan buapak (Ibu-bapak),
bulat buapak menjadikan lembaga,
bulat lembaga menjadikan undang,
bulat undang menjadikan ke’adilan (Raja).* ”

Memandang kapada kesuchian dan kemurnian asas2 demokrasi yang telah di-bena dalam ‘Adat Perpateh itu, agak kechiwa juga perasaan kita hari ini. Di-sana sini timbul kerisis demi kerisis dalam tugas melantek Ketua ‘Adat dalam masharakat perpateh masa ini. Kadang2 hingga memakan masa yang berlarut2 untuk menyelesaikan masalah2 perlantekan itu, yang kadang-kala sengaja di-timbulkan dan di-adakan untuk kepentingan diri persa-orangan.

Yang amat menyeleweng sa-kali rasa-nya, ia-lah dengan ada-nya anasir2 kebendaan yang telah di-champor-adokkan dalam 'Perlantekan Ketua2 'Adat' ini dan juga dalam penglaksanaan 'adat itu sa-hari2. Banyak kekicohan yang telah terjadi yang meng'akibatkan babit2 demokrasi yang ada dalam 'adat itu, menghadapi sinar kegelapan dan masa keruntahan-nya yang hampir tiba.

Pada saya hal ini, akan menjadi sa-makin meluas lagi kira-nya desakan semangat kebendaan dan kepentingan persa-orangan serta faedah2 individu lebih mengatasi bentok2 keaslian 'Adat Perpateh itu sendiri. Lebeh2 lagi dalam suasana negara di-mana anggota masharakat perpateh itu di-tekan oleh kemajuan negara dalam bidang kehidupan manusia. Dan, sama ada anggota masharakat perpateh itu muhu menerima atau tidak, satu masharakat yang lebeh besar dan luas pasti akan datang menghadapi mereka.

Hal ini, tentu-nya menjadi satu chabaran yang khusus kapada penganut2 'Adat Perpateh di-zaman serba moden ini. Mereka harus-lah, memberikan perhatian yang istimewa atas perkara ini, sama ada menyesuaikan keaslian 'adat itu dengan kemajuan2 sekarang atau—apa-kah adat itu di-biarkan hanyut sendirian ditup oleh badi kemajuan dunia atau pun di-lambong oleh ombak kebudayaan asing, yang bertiup dan menghempas dengan kuat dan pantas-nya sekarang ini. Tidak-lah keterlaluan sangat, kira-nya saya katakan — bahawa masharakat 'Adat Perpateh sekarang sedang berada antara dua persimpangan jalan, ia-itu — "Memelihara Keaslian Adat Perpateh" itu, atau pun sama2 menunggukan masa-nya untuk "Sama2 Kita Iringi Adat Itu Mengikuti Arus Yang Hari Demi Hari Kian Mendesak Dan Menunda Untuk Berhijrah ka-Suatu 'Alam Yang Lain. "

'Adat Menghantar Chin chin

Lambang Ketinggian Budi Penganut 'Adat Perpateh

Ada-lah menjadi kelaziman dalam masharakat kampong, jiran tetangga kunjong mengunjungi dan ziarah menziarahi antara satu sama lain. Kalau jiran dekat rumah kita datang, ia di-persilakan naik, tikar di-bentangkan dan tempat sireh di-edarkan. Sunggoh pun pada lahir-nya jiran itu datang hanya untuk berbual2 kosong sahaja, tetapi tidak kurang pula, kadang kala, membawa maksud yang tertentu; terutama-nya kalau rumah yang di-kunjungi itu ada menyimpan 'kuntum2 bunga'. Bila si-dara mengedarkan dulang ayer dengan penoh hormat di-hadapan tamu, mata si-tamu merenong rapi tengkah laku si-dara dan dalam keselurohan akan terkeluar-lah kata2 bagini dari mulut tamu, "Hai, dah besar budak Salmah ni, apa macham kalau kita berbesan saja kak ? ". "Apa pula salah-nya", jawab si-tuan rumah. Dengan tersenyum2 dara menghilang kadapor. Kata2 bagini sudah chukup membawa pengertian bahawa 'bunga' yang sedang kembang di-taman itu belum berpunya lagi dan sedang menanti kumbang yang sudi menyeri-nya.

Untuk meresmikan bahawa mereka kedua mahu bersemenda, maka pehak laki2 pun akan menghantar 'chin chin tanya' kapada pehak perempuan. Lazimnya emak saudara pehak laki2-lah yang melakukan istiadat menyorong 'chin chin tanya' itu. Maka berkata-lah pehak laki2 tadi kapada pehak perempuan.

" Bagini-lah kak, kami ini ibarat-nya kok umor belum sa-tahun jagong.
Kok darah belum sa-tampok pinang, kok akar belum sa-lilit telunjuk
Maka-nya kedatangan kami kok hari yang sa-hari, kok malam yang sa-malam ini.

Ia-lah ibarat singkap daun ambil buah, kopek kulit ambil isi sahaja,
Bak kata órang, bila mengadakan anak, kok laki2 di-serahkan mengaji,
Kok perempuan di-serahkan menjahit,
Masa itu terhutang-lah orang semenda,
Petang mengandangkan, pagi melepaskan,
Di-jaga ayam jangan di-makan musang, kerbau jangan merompak,
Bila baligh anak itu, nang perempuan masa-nya di-nanti2kan,
Nang laki2 masa-nya di-chari2kan,
Jadi ini-lah, kok selingkong Pulau Percha, selilit Tanah Melayu,
Sa-bingkah tanah yang terbalik sa-helai akar yang tertetas,
Serantau ka-hulu, serantau ka-hilir,
Terpandang-lah sawah nan berlopak, kampong nan sa-sudut,
Pinang nan berjajar,
Maka nampak-lah sa-ekor burong permainan,
Kok bagitu di-lepaskan risek resus-nya,
Ini-lah di-serahkan chin chin sa-bentok 'chin chin tanya'."

Maka 'chinchin tanya' itu pun di-terima-lah oleh pehak perempuan dengan penoh hormat dan beradab. Lepas itu di-adakan sa-dikit khenduri di-rumah pehak perempuan.

Sa-minggu atau dalam masa yang telah di-tetapkan, maka datang-lah lagi sakali pehak laki2 menyusul janji, ia-itu hendak tahu sama ada pehak perempuan setuju atau tidak. Maka apabila pehak laki2 tadi tiba, maka berkata-lah pehak perempuan bagini :

" Nampak-nya bagini-lah kak, sakit bermula mati bersebab.
Hujan berpohon kata berasal — Mana asal kata ?
Awal berpermulaan, akhir berkesudahan,
Kedatangan dato' dahulu membawa chinchin chintaan kapada saya,
Mengikat penyemenda.
Dek oleh saya menerima-lah, akan tetapi janji-nya tegoh,
padang-nya lebar,
Nang jauh sudah saya jemputkan, nang dekat sudah saya kampongkan,
Segala tempat semenda saya 'menerima-lah chinchin mintaan ini'."

Apabila 'chinchin tanya' sudah di-terima oleh pehak perempuan, maka pehak laki2 akan menghantar 'chinchin tanda' pula. Biasa-nya 'chinchin tanda' di-letakkan dalam satu dulang ayer yang berbentuk bulat dan kecil, di-buat daripada tembaga. 'Chinchin tanda' ini di-alaskan dengan kain atau kertas yang berwarna merah guna untuk menarik perhatian. Kemudian ia-nya di-tabor dengan bunga rampai. Kadang kala hantaran tanda ini di-sertai sakali dengan menghantar wang belanja, yang di-gubah dalam bentuk lipatan. Ini di-sebut "lipat empat puloh empat." Biasa juga pakaian atau kain di-hantar bersama2 dengan chinchin tanda atau peminang ini. Kain ini pun di-gubah sa-bagitu rupa hingga ia menggambarkan gambar burong dan yang sa-umpama-nya. Patut juga di-sebut susunan sireh dalam tepak-nya hendak-lah mengikut adat kerana perhatian utama di-berikan kapada chara susunan sireh itu. Yang lazim-nya kepala sireh di-letakkan mengadap kepala tepak. Tepak sireh ini-lah merupakan 'kepala adat'. Kesalahan dalam menyusun dan melengkapkan isi tepak ini akan di-denda, dinamakan 'bertimbang salah'. Lepas itu tepak ini pun di-bungkus dengan kain songket dan di-bawa ka-rumah pehak perempuan. Apabila sampai ka-rumah pehak perempuan, juru chakap pehak laki2 pun bertanya sa-chara umum kapada orang di-sakeliling-nya siapa-kah juru chakap pehak perempuan pula. Pada hakikat-nya pehak laki2 telah mengetahui juru chakap pehak perempuan tetapi pertanyaan sa-bagini di-rasakan perlu kerana ada-lah kurang manis kalau pehak laki2 menerpa sahaja. Kerap kali pertanyaan ini di-salorkan melalui pantun mithal-nya :

" Petik2 daun kangkong — Betik dalam belanga,
Minta tabek yang punya kampong — Saya ini hendak tumpang tanya.
Mana tua-nya di-sini ? "

Apabila kedua2 pehak telah berhadapan, maka berkata-lah juru chakap pehak laki2, " Abang, mengikut adat, kita ikat-lah janji mengikut perbilangan :

" Hidup berpauntongan, mati berkemulah (hukum Allah),
Maka tersemenda-lah saya kapada dato',
Petang saya tersemenda, pagi di-unjok beri dek tempat semenda,
Kampong nang sa-sudut sawah nang sa-lopak.
Dalam pada itu adat orang semenda,
Pergi kerana suroh, berhenti kerana tegah,
Dari tempat semenda membawa sembah, tersuroh pula saya menghantar
chinchin sa-bentok dam menerima chinchin sa-bentok,
Maka tempat nang lama mengadakan anak dan pinak,
Tempat nang baru mengadakan ipar dan lamai,
Untong si-laki2 di-tanya2kan, untong si-perempuan di-nanti2kan,
Dalam pada itu, ada pula kilit nang memanchar, risek nang berdesus,
Dusi nang merangkap, kata nang berjawapan, gamit nang berkechapi,
Kemudian daripada itu, maka mengilat-lah chinchin sa-bentok,
Antara orang semenda bertimbar balek;
Ini-lah tanda rupa, ini-lah chinchin bawaan,
Ini-lah kedatangan saya menghantar chinchin."

Maka di-sambut pula oleh pehak perempuan, demikian antara lain2 kata-nya:

" Hidup berpelarasian, hidup bersuku2,
Hukum tiada menghambat, adat tiada menghalang,
Di-haruskan semenda menyemenda, maka tersemenda-lah saya di-sini,
Maka tempat nang lama mengadakan anak pinak,
Tempat nang baru mengadakan ipar lamai,
Untong laki2 di-tanya2kan, untong perempuan di-nanti2kan,
Untong menanti dato' pun datang menghantar chinchin sa-bentok,
Maka dek saya menerima-lah, itu pun jika oso sa-kata tempat semenda,
Jika oso sa-kata kata saya balekkan,
Jika tak oso sa-kata, chinchin saya balekkan."

Sa-sudah itu juru chakap pehak perempuan pun membuka dulang se. : menyaksikan apa2 yang di-bawa oleh pehak laki2 tadi, mengambil sharat sahaja. Lepas itu dulang itu pun di-edarkan ka-dalam untuk di-persaksikan oleh kaum perempuan pula.

Apabila 'chinchin peminang' telah di-terima, maka rasmi-lah pertunangan antara si-teruna dan si-dara tadi. Mengikut adat dalam pertunangan itu ada pula peraturan2 atau undang2 yang mesti di-hormati; undang2 yang di-salorkan melalui kata2 yang berirama dan mengandong kias ibarat yang tajam dan dalam. Demikian bunyi-nya :

" Chin chin sa-bentok menanya ibu bapa-nya, chin chin dua bentok oso sa-kata,
Oso sa-kata kata di-balekkan, tak oso sa-kata chin chin di-balekkan,
Oso sa-kata janji di-ikat, janji di-buat di-muliakan,
Dalam janji di-gadokkan, sampai janji di-tepati.
Helah si-laki2 lonchor tanda, helah si-perempuan ganda tanda,
Sakit si-laki2 lari pada perempuan, sakit perempuan lari pada laki2,
Chachat chida berkembilan, sawan gila di-luar janji,
Janji adat tujoh hari, dua kali tujoh hari,
Kerja nang elok di-perderas, kerja nang burok di-perlambat."

Maka sekarang kedua2 pehak hanya menunggu hari bersatu sahaja lagi. Yang biasa di-janjikan lepas menuai atau hari raya. Pada bulan puasa lazimnya juga pehak perempuan menghantar hidangan perbukaan ka-rumah pehak laki2, yang biasa berdekatan. Di-Perak, daerah Kuala Kangsar, saya di-fahamkan adat ini di-namakan 'menghantar churi'.

Berbichara tentang soal pertunangan, molek juga rasa saya menyentoh satu perkara yang jarang2 pada masa ini berlaku, yang mengakibatkan 'ayam tambatan di-sembar helang'. Biasa juga berlaku apa yang di-namakan adat 'merumah' atau 'menyerah'; ia-itu pemuda itu akan pergi memegangkan si-dara dalam bileknya sampai soal perkahwinan itu akan di-pertimbangkan mengikut adat merumahan. Menurut kata gurindam, pemuda itu mesti-lah :

" berdada bidang, kulit-nya tahan, hati-nya berani,
senjata-nya tajam, mulut-nya bachar, emas-nya banyak."

Sekarang teruna dan dara itu sudah di-ikat oleh tali pertunangan. Hanya menanti saat bahagia yang di-tunggu2 dengan debaran jantong.

Terhadap Keindahan 'Alam

Penghormatan, ada-lah satu hak mutlak yang harus ada pada manusia. Manusia perlu di-didek sa-banyak mungkin, menuju ka-arrah 'rasa penghormatan'. Kerana, kemuliaan hidup, ketinggian peribadi—ada-lah bergantong kapada kekuatan dan kesanggupan diri-nya menguasai 'Penghormatan'.

GOETHE, sa-orang penyaer yang mashhor, pernah menulis dalam sa-buah buku membayangkan dengan tegas dan konkrit — betapa penting-nya penghormatan itu ada pada manusia. Goethe, menegaskan :

" Penghormatan itu ada-lah sikap bathin — keche derongan hati yang menyebabkan manusia melihat dan menga bawaha : tiap2 benda ada HARGA-NYA masing2. Dan, kerana itu— segala perbuatan-nya di-sesuaikan-nya dengan sikap 'mer argai' itu."

Jelas terasa, penghormatan itu ada-lah meliputi seluroh makh k dan semua benda di-dunia ini. Penghormatan itu 'universal' sifat-nya. Barang siapa yang tidak menaroh penghormatan pada sa-suatu lapangan, semakin jauh-lah penghormatan-nya di-lapangan lain. Dan, manusia yang tiada sikap penghormatan atas sa-suatu, bererti ia gagal dalam hidup. Kerana, harga 'penghormatan' itu terlalu tinggi, murni dan paling agong. Ketinggian nilai 'penghormatan' ini, telah pernah pula di-tegaskan oleh Pujangga SHAKESPEARE bahawa " Penghormatan itu adalah bidadari dunia."

Sa-benar-nya 'Rasa Penghormatan', banyak jurusan dan bidang-nya; umpama-nya : penghormatan terhadap ibu bapa, guru dan masharakat dan lain2 lagi. Tapi — di-ruangan ini saya akan menumpukan kapada "PENGHORMATAN TERHADAP KEINDAHAN 'ALAM'" saja — kerana, saya kira hal ini terlalu penting dan amat menarek sa-kali di-jadikan menongan bersama. Malah, sa-panjang hidup manusia jarang terlepas dari menghadapi 'ALAM'.

Penghormatan terhadap 'ALAM' bererti : menimbulkan rasa kagum, ta'ajob, terpesona menghadapi segala rupa suasana dan bentuk benda yang lahir dari ciptaan Tuhan. Dari perasaan ini, yang sentiasa merangkul jiwa-nya — punchaknya, akan timbul-lah rasa kaseh, sayang dan chinta yang mendalam, sa-hingga menchetuskan pula rasa 'PENGHORMATAN' antara manusia sejagat.

Untuk menimbulkan rasa penghormatan terhadap 'Keindahan 'Alam' ini— tempat yang paling sesuai ada-lah melalui jurusan pendidekan. Sebab itu-lah di-sekolah2, pusat2 pendidekan yang lain, unsor2 pelajaran yang menuju ka-arrah

penghormatan terhadap 'alam menjadi satu keutamaan. Sama ada, di-sedari atau tidak oleh guru2 atau pun para pendidek, harus-lah ada dan patut di-laksanakan-nya dengan penoh rasa tanggong jawab.

Anak2 hari ini — masa depan-nya akan menjadi sa-orang manusia yang akan menghadapi segala kemungkinan, di-mana saja ia bernaafas dan hidup. Dari itu, anak2 tidak-lah harus bersifat 'bena ta' bena', memberi pandangan sepi terhadap 'alam ciptaan Tuhan. Keindahan dan rahsia 'alam yang sentiasa di-hadapi oleh kanak2, ada-lah memainkan peranan penting dalam membentuk chita2 ideal dan keharmonisan jiwa-nya.

Pandangan dan minat kanak2, harus-lah di-tumpukan kapada : keindahan bunga yang sentiasa berkembang, kapada keindahan langit yang gemerlap bintang-nya, kegagahan gunung yang menjulang menchium awan, kehijauan padang dan ladang, tenang-nya riak ayer di-danau dan kali, riak dan gelombang lautan yang menchium pantai, nyanyian unggas yang berkicau riang di-pinggir dahan- yang mana semua-nya ini akan menimbulkan kesan dan peristiwa di-jiwa anak2, yang belum banyak menerima pengaroh chorak dan ragam dunia.

Anak2 juga, perlu di-arahkan pandangan-nya kapada penghuni 'alam yang menambahkan indah-nya itu. Mereka perlu mengikuti proses2 hidup : hewan dan unggas, sorak sorai petani di-ladang, nyanyian nelayan di-lautan merengkuh dayong, keriangan ikan2 berkejaran bermain di-kolam — yang segala- nya ini tetap mempunyai kesah dan peristiwa sendiri2 yang bagitu menarek.

Perasaan ta'ajob dan kagum ini, dapat di-salorkan melalui bidang2 pelajaran yang tertentu. Umpama-nya : Melalui jurusan 'Ilmu Nature' atau lain-nya asalkan saja, para pendidek itu, telah sedia mempunyai rasa penghormatan terhadap 'alam di-jiwa-nya sendiri.

Kesan yang dapat di-lahirkan, dari usaha mendidek anak2 menuju ka-arah memberi penghormatan terhadap 'alam ini, akan menimbulkan dua faktor penting untuk membangun 'kehulusan perasaan'-nya sa-bagai sa-orang manusia :

1. *Di-jiwa anak2 lahir-lah perasaan : chinta, hormat dan ta'ajob terhadap keagongan kekuasaan Tuhan.*
2. *Memupok 'jiwa seni' — sa-hingga dapat melahirkan keupayaan mereka pula, untuk melahirkan rasa kagum dan terharu-nya itu kapada orang lain — melalui ciptaan-nya yang berupa lukisan, puisi atau lain2-nya di-masa depan.*

Sa-sunggoh-nya, dari adunan dua faktor ini-lah yang membuatkan sa-saorang itu dapat melahirkan hasil seni yang indah, yang di-dorong oleh kehulusan perasaan mereka dengan bantuan bakat dan kechenderongan-nya.

Hal ini memang kita akui tanpa ragu2 lagi : Masharakat Melayu Lama dapat melahirkan hasil sastera yang amat terkenal dan maseh semarak hingga sekarang — ada-lah timbul dari kekaguman mereka, tentang keindahan 'alam yang di-dapati-nya. Masharakat Melayu Lama akan 'berpantun' melalui 'ALAM sebagai sumber ilham dalam chiptaan-nya, umpama-nya :

(Bila sa-buah pedati berjalan perlahan2 di-lereng bukit barisan. Berderik pasir yang di-landa, bergema memenohi lembah. Di-pendati itu, dudok sa-orang bapa tenang diam. Di-kanan-nya melingkar sa-buah bukit barisan, di-kiri-nya menganga ngarai yang dalam; jauh di atas sayup2 mata memandang, melen-kong langit tua. Telah lama ia meninggalkan anak isteri, untuk menchari bekal perut yang tidak berisi, mencharikan badan yang ta' bertutup dan teringat-lah anak sibiran tulang — membuatkan ia mendayu sayu dalam pantun :)

*"Singkarak kota-nya tinggi,
Asam pauh dari sa-berang;
Awan berarak hamba tangisi,
Diri jauh di-rantau orang."*

Demikian jua-lah keadaan-nya, pujangga2 besar dunia — ia dapati lahirkan seni yang indah, kekal jadi kenangan dan pujaan jenerasi kerananya, ada-lah di-sebabkan dari penghormatan pujangga itu terhadap 'al' , sa-hingga ia menjadi kagum dan terharu benar dan di-lahirkan-nya-lah perasaan ini melalui tulisan-nya.

TAGORE dan IQBAL, menjadi sa-orang pujangga teragong di-dunia adalah lahir dari rasa penghormatan-nya yang mendalam terhadap 'alam. Sejak dari kecil mereka di-didek mendekati 'alam negeri-nya yang beranika rupa. Banjaran Himalaya yang berdiri gagah, punchak-nya yang sentiasa di-liputi awan, sering menjadi perhatian-nya. Dari rasa terharu-nya ini-lah ia melahirkan perasaan2-nya melalui puisi. Dan, kemana saja mereka mengembara 'ALAM-LAH jadi tumpuan perhatian-nya.

Dari keadaan ini nyata-lah, demikian besar-nya pengaroh 'alam terhadap pembentukan jiwa manusia. Dalam pada itu, bukan semua manusia akan jadi ahli seni, seniman dan pujangga — kerana ini bergantong pula kapada BAKAT sa-saorang. Tapi, satu hal yang nyata — dari penghormatan 'alam ini, akan dapat memupuk jiwa seni yang ada pada semua manusia.

Biar bagaimana pun, satu hal yang amat penting — nyata benar kesannya dari segi 'PEMBENTOKAN JIWA'. Kerana, dari pendidekan terhadap penghormatan 'alam; yang akan dapat melahirkan: rasa chinta, kaseh dan maanu-sia terhadap 'alam dan makhlok-nya — ada-lah sifat 'universal' manusia yang chintakan damai, dan perasaan jiwa yang saperti imi-lah menjadi matalamat perjuangan hidup asasi manusia seluroh-nya.

Memandang kapada keadaan kita sekarang, manusia yang berjiwa demikian rupa — kita harapkan bertambah dengan subor-nya. Kerana, dari sikap ini-lah akan melahirkan semangat chinta yang lebih besar dan lebih memberi erti — chintakan tanah ayer, chintakan sa-sama manusia di-samping mengamalkan kesuchian jiwa yang tegoh dan padu.

Malah, dari pembentukan sikap ini-lah juga — akan terjalin-nya rasa perpaduan, saling mengerti dan penumpuan ta'at setia yang tidak ada ruang dan batas-nya kapada negara kita yang 'Langit-nya sentiasa membiru dan bumi-nya yang subor menghijau ini.'

Tegas-nya, pendidekan yang menuju ka-arah penghormatan terhadap 'alam amat-lah perlu. Bagi negara kita yang terbentuk dari berbagai2 bangsa, darah dan keturunan — berlainan ugama dan kebudayaan — memang-lah memerlukan raayat yang 'suhi murni' jiwa-nya.

Para pendidek harus-lah mengutamakan jurusan ini sa-imbang dengan pelajaran ekadramik yang lain. Manusia yang sempurna, belum-lah dapat di-akui pada sa-kadar tinggi-nya pengtahuan, tetapi terlalu rendah nilai kesuchian jiwa-nya.

Kita yakin benar, anak2 hari ini juga ada-lah mereka yang akan membentok chorak negara dan bangsa-nya di-masa depan. Penyaloran pendidekan bagi melahir dan memupok rasa jiwa yang baik ada-lah merupakan faktor yang penting untuk membangun 'Sa-buah Masharakat Yang Aman'.
